

# Jelajah BMS 2023 peringkat Zon Selatan meriah

PTPTN sasar  
jumlah deposit  
Simpan SSPN  
bagi BMS 2023  
RM220 juta

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Jelajah Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Selatan yang dilancarkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebagai usaha menggalakkan budaya menabung dalam kalangan masyarakat hari ini mendapat sambutan orang ramai.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, berkata BMS adalah program khusus PTPTN sejak 2018 yang bertujuan menggalakkan budaya menabung dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Katanya, program berkenaan diadakan selama sebulan secara besar-besaran sempena Sambutan Hari Tabungan Sedunia yang diraikan pada 31 Oktober setiap tahun.

"BMS tahun ini lebih meriah kerana pelancaran peringkat zon turut diadakan di seluruh negara merangkumi Zon Timur, Zon Selatan dan Zon Utara.

"Johor menjadi lokasi kedua jelajah peringkat zon selepas majlis pelancaran BMS peringkat nasional yang diadakan pada 1 Oktober lalu dengan jelajah pertama bermula di Zon Timur pada 7 Oktober lalu.

"Jelajah BMS 2023 Peringkat Zon Selatan juga membolehkan Melaka dan Negeri Sembilan yang turut mengadakan BMS secara serentak Sabtu lalu," katanya ketika melancarkan BMS 2023 Zon Selatan.

"Terdahulu, pelbagai aktiviti diadakan sempena Jelajah BMS 2023 Zon Selatan yang diadakan di Angsana Johor Bahru Mall termasuk Pertandingan Mewar-



na Simpan SSPN, Pertandingan Simpan SSPN Got Talent, Pertandingan Robotik Simpan SSPN (Inovasi) dan Family Jenga.

## Komitod laksana fungsi

Dalam pada itu, Ahmad Dasuki berkata, Jelajah BMS 2023 diadakan bertujuan memperkasakan penabungan Simpan SSPN demi kecemerlangan dan kejayaan anak bangsa.

"Pada tahun ini, PTPTN menasaskan jumlah deposit Simpan SSPN bagi BMS 2023 adalah sebanyak RM220 juta.

"Saya optimis, sasaran ini dapat dicapai berdasarkan rekod pencapaian BMS lima tahun penanganjurannya sebelum ini," katanya.

Ahmad Dasuki berkata, menginjak 26 tahun usia PTPTN, agensi berkenaan terus komited melaksanakan fungsinya, iaitu menyediakan kemudahan pinjaman, menguruskan bayaran balik serta membudayakan amalan penabungan.

Katanya, matlamat utama PTPTN adalah untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir melanjutkan pengajian ke menara gading disebabkan masalah kewangan.

"Sehingga 31 Ogos lalu, PTPTN membantu seramai 3.84 juta pelajar membatalkan dana pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM70.02 bilion.

"PTPTN memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) pada 2004, yang menjadi tabung pendidikan terbaik kepada ibu bapa bagi perancangan kewangan.

"Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun; perlindungan takaful ke atas pendeposit; Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak; di-



Ahmad Dasuki (tengah) bersama Ketua Pegawai Kewangan PTPTN, Azhar Ahmad (dua dari kanan); Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Haliza Saibun, (kanan); Pengurus Besar Kanan PTPTN, Rusdi Ismail (dua dari kiri) dan Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Johor, Mazni Ruslan (kiri) merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Selatan di Johor Bahru.



Antara pengunjung hadir pada Jelajah BMS 2023 Peringkat Zon Selatan yang berlangsung serentak 14 Oktober lalu di AEON Baharudaya Melaka.



Peserta Pertandingan Mewarna Simpan SSPN BMS 2023 peringkat Zon Selatan menunjukkan hasil mewarna di Mydin Seremban 2, Negeri Sembilan.

viden yang kompetitif selain simpanan dijamin kerajaan dan patuh syarat," katanya.

Ahmad Dasuki berkata, dalam tempoh 19 tahun Simpan SSPN diperkenalkan, pencapaian deposit Simpan SSPN sentiasa menunjukkan peningkatan ketara

pada setiap tahun.

"Sehingga 31 Ogos lalu, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM15.81 bilion dengan bilangan akaun sebanyak 6.04 juta akaun.

"Manakala di Johor, deposit Simpan SSPN yang diterima ada-

lah berjumlah RM1.39 bilion dengan bilangan akaun sebanyak 670,041," katanya.

Beliau berkata, tahun ini, BMS 2023 memilih tema 'Robotik: Ke arah Transformasi Dunia Pendidikan' dan menggalakkan tagline 'Jom Jadi Superhero Anak Anda'.

"Konsep ini amat signifikan kerana sains dan teknologi robot berkait rapat dengan kemajuan dan memerlukan pengetahuan tentang teknologi terkini.

"Ia selari dengan agenda digitalisasi PTPTN yang memberi fokus kepada usaha menggalakkan penggunaan aplikasi myPTPTN untuk urusan lebih mudah, cepat dan selamat," katanya.

## Jaminan masa depan anak

Sementara itu, ibu bapa yang menghadiri Jelajah BMS 2023 Zon Selatan memuji inisiatif PTPTN mengadakan jelajah itu bagi memberi kesedaran kepada golongan ibu bapa membuat tabung pendidikan anak menerusi Simpan SSPN.

Bagi jururawat, Aishah Hairam, 35, beliau dan suami mula membuka akaun Simpan SSPN buat tiga anaknya yang berusia 7, 6 dan 5 tahun sejak tahun lalu.

"Saya membuka akaun Simpan SSPN ketika Jelajah BMS diadakan tahun lalu selepas mendapat maklumat PTPTN mengenai Simpan SSPN.

"Ia adalah sebagai jaminan masa depan anak supaya ketika mereka menyambung pengajian pada peringkat tinggi kami tidak berhadapan isu kewangan," katanya.

Penjawat awam, Nor Azliah Otman, 39, pula berkata, beliau sudah membuka akaun Simpan SSPN sejak anak sulung yang berusia 12 tahun masih bayi lagi.

"Saya membuka akaun Simpan SSPN ini selepas tertarik dengan pelbagai keistimewaan dan manfaat tabung pendidikan bagi kemudahan masa depan anak.

"Saya menyeru supaya ibu bapa lain turut merebut peluang mendapatkan manfaat akaun Simpan SSPN ini kerana pelbagai insentif menarik disediakan, selain menyimpan demi masa depan anak-anak," katanya.